

Malaysia kesal sistem kehakiman diragui

BH 1.0 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia tidak mahu negara luar cuba campur tangan dalam hal ehwal kehakiman di negara ini, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sambil kesal dengan pelbagai kritikan yang dilemparkan negara dan pertubuhan asing terhadap sistem kehakiman negara, beliau menegaskan:

“Kedudukan kerajaan dalam hal ini adalah jelas. Badan kehakiman Malaysia adalah sebuah badan bebas dan menjalankan tugas berasingan dari cabang eksekutif dan perundangan negara,” katanya.

Beliau menegaskan demikian dalam satu kenyataan di sini, hari ini, sebagai mengulas tindakan beberapa negara termasuk Amerika Syarikat dan Australia, menyuarakan rasa kurang senang terhadap keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman sembilan tahun ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didapati bersalah atas tuduhan meliwat.

Syed Hamid menegaskan, perbicaraan Anwar dijalankan mengikut proses perundangan dan keputusan dibuat selepas perbicaraan yang sungguh panjang dan tertuduh diberi peluang sepenuhnya untuk membela diri.

Beliau berkata, perbicaraan Anwar juga dilaksa-

kan secara terbuka dan mematuhi segala prosedur kehakiman.

“Kami tidak dapat menerima jika ada negara melmpar cacian atau keraguan terhadap sistem kehakiman negara ini hanya kerana ia berbeza (sistem) mereka. Kerana itu, tuduhan bahawa perbicaraan (Anwar) cacat tidak dapat diterima dan tidak berasas,” katanya.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, juga meminta semua negara serta pertubuhan antarabangsa menghormati dasar tidak campur tangan yang dipegang selama ini.

Katanya, selama ini Malaysia tidak pernah campur tangan dalam hal ehwal negara lain, termasuk Amerika Syarikat dan Australia, walaupun beberapa kes mereka ternyata membatalkan keputusan berat sebelah dan tidak wajar.

Beliau berkata, apa yang jelas, kebanyakan kritikan berkenaan lebih condong kepada niat politik untuk mengaibkan Malaysia.

Di WASHINGTON, Amerika Syarikat menyuarakan “rasa marah” terhadap tempoh hukuman yang disifatkannya panjang yang dijatuhkan ke atas Anwar.

Richard Boucher, seorang jurucakap Jabatan

Negara, berkata Amerika ‘sedih’ dengan pensabitan kesalahan Anwar dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap dakwaan liwat.

Beliau berkata setiausaha negara Madeleine Albright, telah mengirim surat kepada isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan sentiasa menghubunginya di sepanjang perbicaraan itu.

Jurucakap Rumah Putih, P J Crowley, pula dipetik oleh Reuters sebagai berkata: “Jelas terdapat kebimbangan yang serius dan wajar mengenai keadilan perbicaraan ini yang menyebabkan keputusannya dipersoalkan.”

Di SYDNEY, Perdana Menteri Australia, John Howard, berpendapat keputusan mahkamah terhadap Anwar adalah kempen politik Dr Mahathir.

“Wujud kebimbangan besar, berdasarkan sejarah kes yang begitu lama, untuk saya gusar bahawa sistem kehakiman di sana tidak bebas seperti yang sepatutnya,” katanya.

Di BANGKOK, satu bantahan diadakan di hadapan kedutaan Malaysia di mana pembantah menggesa Anwar dan tahanan politik lain dibebaskan.

“Kami merayu supaya Anwar dibebaskan,” kata Evelyn Balais Serrano, perunding Forum Asia.